



POLITEKNIK  
TAWAU

# KENAPA PERLU MEMILIH PTS?

POLITEKNIK  
MALAYSIA  
TAWAU

## PENGENALAN PTS

Politeknik Tawau Sabah (PTS) merupakan Politeknik Malaysia yang ke-36 dan politeknik paling baharu ditubuhkan di Malaysia. PTS telah didaftarkan pada 1 September 2017 di Tawau, Sabah di bawah naungan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

## HUBUNGI KAMI:



+60128199370 - Unit Hal Ehwal Pelajar



<https://politawau.mypolycc.edu.my/>



Politeknik Tawau Sabah



politawauofficial



politawau TV



@tweetpolitawau

1. Milik Penuh Kerajaan
2. Program Pengajian yang diiktiraf
3. Yuran yang berpatutan:
  - **Yuran Pengajian:** **RM200.00/Semester**
  - **Yuran Asrama:** **RM360.00/Semester**
  - **Bayaran Pelbagai:** **RM100.00/Semester 1 sahaja**

## BIAYA PENGAJIAN:

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
2. Biasiswa Kerajaan Negeri
3. Biasiswa JPA dan lain-lain.



POLITEKNIK TAWAU SABAH



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

**JOM**  
*Mark* #JomMasukPoliTawau  
**POLITEKNIK TAWAU SABAH**



Alamat: KM36, Jalan Balung,  
91009 Tawau, Sabah  
No. Tel: +60 89 950 500  
No Fax: +60 89 950 501  
Emel: [admin@politawau.edu.my](mailto:admin@politawau.edu.my)  
MQA Reg. No: MQA/FA3444  
ISO 9001:2015 (QMS 03662)



## DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP)

### SINOPSIS PROGRAM

Diploma Pengurusan Pelancongan secara khusus dibangunkan untuk menyediakan liputan komprehensif mengenai pelbagai komponen industri pelancongan dan aktiviti kecekapan khusus yang diperlukan seperti dalam operasi pengembaraan dan pelancongan, pengurusan acara, pelancongan rekreasi, pemasaran pelancongan dan perkhidmatan interpretasi pelawat. Kecekapan asas lain dalam industri pelancongan seperti asas pelancongan dan hospitaliti, pembangunan profesional, komunikasi, keselamatan dan kesihatan, pembangunan keusahawanan juga tertanam dalam program ini.

### PROSPEK KERJAYA

- Pegawai Pelancongan
- Pemimpin Pelancongan
- Kakitangan Perjalanan dan Pelancongan
- Pegawai Pembangunan Pakej Perjalanan
- Perunding Percutian
- Jualan dan Pemasaran Pelancongan
- Personel Taman Tema
- Kakitangan Hiburan dan Rekreasi
- Kakitangan Rekreasi
- Personel Kemudahan Rekreasi
- Usahawan dalam Pelancongan, Perniagaan Perjalanan dan Pelancongan



## SYARAT MINIMUM PERMOHONAN KEMASUKAN:

### LEPASAN SPM

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau setaraf
3. LULUS Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
4. LULUS Bahasa Inggeris
5. LULUS Matematik
6. Mendapat TIGA (3) KEPUJIAN dalam mata pelajaran berikut:
  - a. Bahasa Melayu
  - b. DUA (2) matapelajaran lain yang belum diambilkira kepujiannya
7. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, pertuturan, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali

### LULUSAN SELAIN SPM

- Warganegara Malaysia
  - LULUS pengajian peringkat Sijil yang diiktiraf MQA/COPTA/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan
  - Calon **TIDAK** mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, pertuturan, fizikal atau masalah pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali
- (SYARAT TAMBAHAN BAGI PROGRAM DRT)
- Lulus SPM dengan mendapat SATU (1) kepujian di dalam mana-mana matapelajaran



## DIPLOMA PELANCONGAN REKREASI (DRT)

### SINOPSIS PROGRAM (TAWAR TAHUN 2023)

Diploma Pelancongan Rekreasi akan memberikan pelajar pemahaman yang luas tentang rekreasi iaitu sebahagian daripada industri pelancongan. Ia dibangunkan bagi memenuhi kecekapan yang diperlukan dalam bidang pelancongan dan rekreasi. Program ini merangkumi reka bentuk dan penyelenggaraan kemudahan rekreasi, pengurusan resort, perkhidmatan interpretasi alam, pelancongan rekreasi, dasar, psikologi rekreasi dan sumber rekreasi. Aspek asas rekreasi dan rekreasi yang lain adalah seperti asas rekreasi, keusahawanan digital, perkhidmatan pelanggan, pemasaran, kesihatan dan keselamatan, pengurusan risiko dan perkhidmatan mesra hospitaliti.

### PROSPEK KERJAYA

- Penyelia Taman Hiburan
- Penyelia / Penyelaras Acara
- Penyelia / Penyelaras Taman
- Perunding / Penyelaras Pengurusan Riadah
- Penyelia / Perunding Aktiviti Luar
- Pemandu Pelancong Alam Semulajadi
- Pemandu Pelancong
- Penafsir Alam
- Penyelia / Penyelaras Kemudahan Kemudahan Rekreasi

